

LEBIH 2000 PENGUNJUNG BANJIRI KPTN 2018



Oleh : Mohd Basri Basir

Pauh Putra, 10 Januari – Lebih 2,000 pengunjung membanjiri hari pertama Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2018, Zon Perlis yang berlangsung di Dewan Ilmu, Kampus UniMAP Pauh Putra.

Karnival selama dua hari itu anjuran bersama Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Majlis Perasmian disempurnakan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPT Datuk Kamel Mohamad dan Naib Canselor UniMAP Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

KPTN 2018, Zon Perlis disertai pelbagai agensi berkaitan pendidikan tinggi akan mengambil bahagian, antaranya 20 Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Politeknik, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan lain-lain agensi di bawah KPT.

Selain pameran Pendidikan Tinggi turut diadakan Pengisian UPU Online, Taklimat Kerjaya, Khidmat Bimbingan dan Kaunseling, Taklimat Kemasukan Pelajar ke IPT, Pemeriksaan Kesihatan, Demonstrasi Sains dan banyak lagi.